

Mahathir
UM 16 NOV 1987
terima

anugerah tertinggi Pengakap

KUALA LUMPUR 15 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima anugerah semangat padi, iaitu yang tertinggi bagi Pertubuhan Pengakap.

Anugerah itu disampaikan oleh Ketua Pengakap Negara, Datuk Dr. Sulaiman Daud di perkhemahan kepimpinan pengakap dan belia Selangor Darul Ehsan di Taman Rimba Templer dekat sini.

Pertubuhan Pengakap juga memberi anugerah kedua tertinggi kepada Menteri Besar Selangor Darul Ehsan, Datuk Muhammad Haji Mohd. Taib yang bergelar 'anugerah semangat rimba'.

Datuk Dr. Sulaiman Daud yang juga Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah dalam ucapannya berkata objektif perkhemahan tersebut ialah untuk melatih pemimpin pengakap dan belia mengetahui tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia.

Ia juga, katanya, adalah untuk menyedarkan golongan belia tentang kesetiaan kepada Tuhan, raja dan negara dalam konteks menyubur keharmonian dan memupuk semangat perpaduan tulen.

Menurutnya, teras kepada pembentukan warganegara ialah semangat perpaduan yang lebih erat di kalangan rakyat.

Katanya, sikap yang paling asas sekali ialah untuk saling percaya mempercayai di antara sesama sendiri.

"Sikap ini perlu wujud

dan menjadi syarat utama jika semua ahli dalam kumpulan belia hendak berinteraksi di antara satu sama lain tanpa curiga," katanya.

Kata Datuk Dr. Sulaiman, hanya dengan persefahaman yang tulen sahaja dapat menjamin keselamatan dan kemajuan negara bagi dinikmati oleh semua.